



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولوا فينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH  
**FITNAH MEDIA SOSIAL  
DALAM HUBUNGAN  
KEKELUARGAAN**



Tarikh Bacaan:  
**21 NOVEMBER 2025M / 30 JAMADILAWWAL 1447H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



## Fitnah Media Sosial Dalam Hubungan Kekeluargaan

21 November 2025M/ 30 Jamadil Awwal 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٦﴾ سورة الفرقان

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
وَالصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الَّذِي بَعَثَهُ اللَّهُ رَحْمَةً  
لِلْعَالَمِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*  
dengan memanfaatkan masa dalam melaksanakan segala perintah Allah  
dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Khatib menasihati para jemaah agar memberikan sepenuh  
perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan  
perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam  
masjid ini tetapi masih leka dengan urusan dunia.

Pada hari ini, khatib ingin menyentuh mengenai satu isu yang  
sangat relevan dalam kehidupan kita iaitu usaha mengukuhkan institusi  
keluarga dalam dunia moden yang penuh dengan cabaran, antara tradisi



dan teknologi. Marilah kita bersama-sama memahami bagaimana kitab oleh menyeimbangkan penggunaan teknologi dengan mengekalkan nilai-nilai tradisi dalam membina keluarga yang kukuh dan bahagia.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Keluarga adalah asas kepada masyarakat dan berperanan dalam membentuk individu berakhlak mulia. Dalam dunia hari ini, kita berdepan dengan pelbagai cabaran yang datang daripada penggunaan teknologi yang semakin canggih. Walaupun teknologi membawa banyak kemudahan namun ia boleh menjejaskan hubungan kekeluargaan jika tidak dikendalikan dengan bijak.

Allah berfirman dalam surah al-Furqan, ayat 74 yang bermaksud:

Maksudnya: *"Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh daripada isteri-isteri dan zuriat keturunan kami perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertakwa."*

Ayat ini menggambarkan betapa pentingnya doa dan usaha untuk menjadikan keluarga kita sebagai penyejuk hati dan contoh teladan dalam ketakwaan. Dalam dunia yang penuh dengan cabaran ini, kita perlu berusaha untuk mengekalkan keharmonian dan kebahagiaan dalam keluarga dengan berpegang teguh kepada ajaran Islam. Keluarga yang berpegang kepada nilai-nilai Islam akan lebih mudah menghadapi cabaran moden dengan kebijaksanaan dan ketenangan.

Kita ambil contoh teladan daripada kisah Nabi Ibrahim عَلَيْهِ السَّلَام dan keluarganya boleh dijadikan contoh. Baginda sentiasa berusaha membimbing keluarganya ke jalan yang benar, walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Baginda tidak pernah berhenti berdoa dan berusaha untuk kebaikan keluarganya. Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam surah Ibrahim ayat 37:

رَبَّنَا إِنِّي أَسْكَنْتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيْرِ ذِي زَرْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمِ رَبَّنَا لِيُقِيمُوا الصَّلَاةَ  
فَأَجْعَلْ أَعْيَادَهُمْ مِنَ النَّاسِ تَهْوِي إِلَيْهِمْ وَأَرْزُقْهُمْ مِنَ الثَّمَرَاتِ لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ ﴿٣٧﴾

Maksudnya: "Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (tanah suci mekkah) yang tidak tanaman padanya, di sisi rumahmu yang diharamkan mencerobohnya. Wahai Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan solat (dan memakmurkannya dengan ibadat). Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian dari manusia tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ) dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari pelbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur."

### **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Remaja adalah golongan yang sering terdedah kepada penggunaan teknologi dan gajet. Penggunaan yang tidak terkawal boleh menyebabkan mereka leka, mengabaikan pelaksanaan amal ibadah yang wajib, tidak mengulangkaji pelajaran, memencilkan diri bermain gajet serta kurang berkomunikasi dengan ibu bapa dan adik-beradik lain.

Sebagai umat Islam, ibu bapa perlu menasihati dan menanamkan kesedaran serta nilai-nilai murni dalam diri remaja agar mereka tidak terlalu leka dengan gajet hingga mengabaikan tanggungjawab sebagai hamba Allah, terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

Antara langkah bagi mengawal penggunaan teknologi secara berlebihan ialah dengan menetapkan had masa untuk penggunaan gajet dan teknologi dalam keluarga. Pastikan waktu makan dan waktu solat bersama-sama tidak diganggu oleh penggunaan teknologi. Galakan aktiviti luar yang dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Ibu bapa juga perlu mendidik anak-anak tentang penggunaan teknologi secara bijak dan bertanggungjawab. Ajarkan mereka tentang bahaya penyalahgunaan teknologi dan bagaimana menggunakannya untuk kebaikan. Berikan contoh yang baik kepada anak-anak dengan menunjukkan penggunaan teknologi yang positif dan produktif.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Selain daripada mengimbangi penggunaan teknologi dan mengekalkan nilai tradisi, kita juga perlu memperkukuhkan keimanan dan ketakwaan dalam keluarga. Keimanan dan ketakwaan adalah asas kepada kebahagiaan dan keharmonian dalam keluarga. Dengan keimanan yang kukuh, kita dapat menghadapi segala cabaran dengan penuh keyakinan dan ketenangan. Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* berfirman dalam surah at-Tahrim, ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا... ﴿٦﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka yang bahan bakarnya manusia dan batu (berhala);...”*

Demikianlah Allah mengingatkan kita tentang tanggungjawab sebagai ketua keluarga untuk menjaga diri dan keluarga kita daripada api neraka. Ia menekankan kepentingan mendidik dan membimbing keluarga ke jalan yang benar. Dalam konteks dunia moden, kita perlu memastikan bahawa penggunaan teknologi tidak melekakan kita daripada melaksanakan amal ibadah serta menjauhkan kita daripada ajaran Islam.

### **HADIRIN SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Sebagai mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama berusaha untuk menekuni perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Keluarga perlu dibina atas dasar iman dan taqwa. Hanya dengan asas ini rumahtangga akan kekal harmoni dan dilimpahi rahmat.

**Kedua:** Teknologi adalah alat, bukan matlamat. Manfaatkan ia untuk kebaikan, elakkan pembaziran masa dan kawal penggunaannya supaya tidak merosakkan hubungan kekeluargaan.

**Ketiga:** Mendidik anak-anak adalah amanah yang besar. Ibu bapa hendaklah membimbing mereka dengan adab dan akhlak yang mulia serta sentiasa mengingatkan mereka tentang bahaya yang berpunca daripada gajet dan media sosial.

**Keempat:** Tradisi Islam perlu dikekalkan seperti menghormati orang tua, menjaga silaturrahim, makan bersama, berriadah, serta menghidupkan doa dalam keluarga.

Antara doa yang boleh diamalkan dari Surah al-Furqan ayat 74 ialah:

... رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Maksudnya: "Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu orang-orang) yang berdoa dengan berkata "Ya Allah, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri kami dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa."."

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2025M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2024  
memutuskan bahawa:

**Pertama:** Restoran yang bertanda “free-pork dan no pork no lard”, adalah  
tidak menepati piawaian halal yang diiktiraf oleh JAKIM.

**Kedua:** Tidak sewajarnya bagi seorang Muslim membuat ulasan (review),  
promosi, atau menjadi duta bagi restoran yang sedemikian.

Oleh itu, pastikan kita hanya mengunjungi restoran yang mempunyai logo  
halal JAKIM yang sah kerana mencari yang halal itu satu kefarduan.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّتَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ  
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةً قُولاو فِينَعِ آمِنًا مُطْمَئِنًّا  
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ  
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى  
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka  
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,  
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'  
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

*“Ya Allah, berilah kekuatan kepada kami untuk menunaikan zakat  
serta melaksanakan wakaf melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau  
Pinang agar ia menjadi sumber kebaikan dan kemajuan umat Islam  
di negeri yang tercinta ini.*

*Ya Allah, satukanlah hati-hati kami, tanamkanlah rasa percaya kepada pemimpin kami dan jauhkanlah kami daripada fitnah serta perpecahan. Rahmatilah para pemimpin dan pihak berkuasa agama agar sentiasa Engkau bimbing di atas jalan yang benar.”*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG